

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai aset Permodalan Nasional Berhad, 1MDB, KWSP dan FELDA serta nilainya yang telah dijual pada tahun 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Senarai aset-aset utama kepunyaan 1MDB pada Januari 2017, iaitu selepas penjualan aset anak syarikat Edra Global Berhad dan sebelum (a) pindah milik aset kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan (b) pengewangan unit dana pelaburan, adalah seperti berikut:

1. Pegangan ekuiti 100% TRX City Sdn Bhd;
2. Pegangan ekuiti 100% MyCity Ventures Sdn Bhd;
3. Pegangan ekuiti 100% Ivory Merge Sdn Bhd;
4. Pegangan ekuiti 100% Brazen Sky Limited; dan
5. Pegangan ekuiti 100% 1MDB Global Investments Limited.

Selaras dengan syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan Pelan Rasionalisasi, aset 1MDB telah/ akan dipindahkan kepada MKD dan/atau telah/ akan melalui proses pengewangan. Butiran nilai pemindahan dan/atau pengewangan adalah tertakluk kepada proses pengauditan dan akan diperincikan di dalam laporan kewangan syarikat apabila diterbitkan kelak.

Tuan Yang Dipertua,

Senarai aset KWSP yang telah dijual dan dibeli setiap tahun adalah berubah-ubah dan melibatkan transaksi yang kerap dan amaun yang besar. Secara umumnya, ia melibatkan instrumen berpendapatan tetap dan saham yang tersenarai di dalam dan luar negara.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi PNB pula, jual beli aset seperti ekuiti tersenarai dan instrumen pendapatan tetap di Bursa Malaysia adalah sebahagian daripada operasi harian PNB sebagai pengurus pelaburan. Walau bagaimanapun, tiada jualan aset yang signifikan dilaksanakan pada tahun 2017 setakat ini.

Begitu juga dengan FELDA, sehingga Oktober 2017 FELDA masih lagi belum melaksanakan sebarang penjualan aset kepada mana-mana pihak ketiga.